



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

# MODUL SEJARAH PETALING UTAMA TINGKATAN 5 KSSM

Nama Murid: \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

Nama Guru : \_\_\_\_\_



Terbitan : Panitia Sejarah PPD Petaling Utama

## **JAWATANKUASA PEMBINAAN MODUL SEJARAH KSSM PETALING UTAMA**

Penaung	:	Hajah Marpuaton binti Sastero Pegawai Pendidikan daerah
Penasihat	:	Noorin binti Zakaria Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran
Pengerusi	:	Badieah binti Mustakin SISC+ Sains Sosial
Timb. Pengerusi	:	Rosliza binti Basar SISC+ Sains Sosial
Setiausaha	:	Hanizon binti Ismail Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama SMK La Salle, PJ
Pen. Setiausaha	:	Sivakumar a/l Ramachindran Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama SMK Bandar Utama Damansara (4)

### **AJK**

1. Faezah binti Abd. Majid  
Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama  
SMK (P) Sri Aman
2. Nalini a/p Suppiah  
Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama  
SMK Bandar Utama Damansara (3)
3. Shanthi Devi a/p Ramayah  
Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama  
SMK Taman Medan
4. Nurhashimah binti Nawawi  
Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama  
SMK (P) Taman Petaling
5. Nik Mohd Izzani bin Nik Mohd Amim  
Jurulatih Utama Sejarah PPD Petaling Utama  
SMK Tropicana

## **ISI KANDUNGAN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	BAB 1 – KEDAULATAN NEGARA	2-9
2.	BAB 2 – PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	10-15
3.	BAB 3 – RAJA BERPELEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN	16-23
4.	BAB 4 - SISTEM PERSEKUTUAN	24-29
5.	BAB 5 - PEMBENTUKAN MALAYSIA	30-39
6.	BAB 6 - CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA	40-49
7.	BAB 7 - MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA	50-57
8.	BAB 8 - MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA	58-64
9.	BAB 9 - DASAR LUAR MALAYSIA	65-70
10.	BAB 10 - KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	71-76
11.	SKEMA JAWAPAN SOALAN OBJEKTIF	77
12.	PANEL PENULIS	78-79

## BAB 1: KEDAULATAN NEGARA

### BAHAGIAN A-SOALAN OBJEKTIF

1. Maklumat berikut merupakan takrif perkataan kedaulatan dalam bahasa Yunani.

- *supernuus*
- *superanus*

Apakah maksud perkataan tersebut? (m/s 4)

- A Agung atau tertinggi
- B Kuasa pemerintahan dan kerajaan
- C Pemerintahan negara atau kuasa tertinggi
- D Kuasa penuh terhadap pemerintah

2. Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Melayu? (m/s 4)

- A Kekuasaan tertinggi
- B Bebas dan merdeka
- C Kuasa penuh
- D Keagungan

3.

Kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya.

Maklumat di atas tentang pandangan seorang tokoh tentang kedaulatan. Siapakah tokoh sejarawan yang memberi tafsiran tersebut? (m/s 5)

- A Aristotle
- B Jean Bodin
- C Tun Dr. Mohamed Salleh Abas
- D Ibnu Khaldun

4. Kewujudan kedaulatan bermula sejak tamadun awal manusia. Apakah yang menjadi paksi kepada kedaulatan di negara kita? (m/s 4)

- A Kemerdekaan negara
- B Pelantikan Raja-raja Melayu
- C Kewujudan semangat nasionalisme
- D Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

5. Penyataan berikut mempunyai perkaitan dengan kemunculan kedaulatan sesebuah negara.

- Revolusi Keagungan di England
- Revolusi Perancis

Apakah jenis kedaulatan tersebut? (m/s 6)

- A Kedaulatan tradisional
- B Kedaulatan antarabangsa
- C Kedaulatan undang-undang
- D Kedaulatan moden

6. Apakah peristiwa yang menjadi asas kepada konsep kedaulatan negara moden? (m/s 6)

- i Revolusi China
- ii Revolusi Amerika
- iii Revolusi Perancis
- iv Revolusi Keagungan

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

7. Kedaulatan sesebuah negara dikaitkan dengan kebebasan dan kemerdekaan. Apakah ciri-ciri yang menentukan kedaulatan sesebuah negara? (m/s 8-9)
- i Mempunyai pengaruh
  - ii Mempunyai ideologi
  - iii Mempunyai sempadan
  - iv Mempunyai perundangan
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv
8. Apakah maksud Demokrasi Berparlimen? (m/s 8)
- A Pemerintahan melalui perwakilan
  - B Pemerintahan secara warisan
  - C Pemerintahan secara mutlak
  - D Pemerintahan secara realpolitik
9. Kedaulatan memberi kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan luar. Bagaimanakah sistem pentadbiran negara diperkuuhkan berdasarkan penyataan di atas? (m/s 10)
- A Pengagihan kuasa
  - B Hubungan antarabangsa
  - C Kerjasama politik
  - D Mantapkan kedudukan sultan
10. Sistem perundangan menjadi asas kepada pemerintahan negara. Mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah negara? (m/s 9)
- A Mengukuhkan parti pemerintah
  - B Menjamin keadilan rakyat
  - C Menjamin kebebasan rakyat
  - D Mengukuhkan kuasa raja
11. Gambar berikut merujuk kepada tindakan yang telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak Hussein.
- 
- Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut? (m/s 10)
- A Bersepakat dalam perjuangan
  - B Berwaspada terhadap anasir luar
  - C Mengamalkan sikap tolak ansur
  - D Menolak campur tangan kuasa asing
12. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat selepas negara mencapai kemerdekaan. Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut? (m/s 10)
- A Membangunkan kawasan luar bandar
  - B Meningkatkan pendapatan negara
  - C Memperkenalkan teknologi baru
  - D Memperkenalkan dasar pembangunan ekonomi

13. Apakah faedah daripada pengamalan dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia? (m/s 11)

- A Meningkatkan imej negara
- B Politik tidak stabil
- C Kemasukan imigran
- D Berlakunya huru-hara

14. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di negara kita pada tahun 1970-an.

Tahun	Peristiwa
1972	Pasukan X berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik

Apakah pasukan yang dimaksudkan? (m/s 11)

- A Hoki
- B Renang
- C Bola Sepak
- D Badminton

15. Kedaulatan penting untuk memberikan hak kepada negara menjalinkan hubungan dengan negara lain. Bagaimanakah langkah yang diambil untuk mencapai ke arah tersebut? (m/s 11)

- A Menggubal dasar luar
- B Mengadakan perjanjian
- C Memupuk semangat muhibah
- D Mengakui kelebihan negara lain

16. Penyataan berikut adalah langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara. Apakah usaha pemerintah bagi mencapai matlamat tersebut? (m/s 12)

- Mewujudkan kestabilan politik
- Mewujudkan kemakmuran ekonomi

- A Mewujudkan integrasi nasional
- B Memperkuatkkan dasar-dasar kerajaan
- C Melaksanakan undang-undang negara
- D Menghormati sesama kaum

17. Mengapa kita perlu mengekalkan kedaulatan negara? (m/s 15)

- A Meningkatkan imej negara
- B Mewujudkan kesejahteraan
- C Menarik pelaburan asing
- D Menghapuskan identiti kaum

18. Patriotisme ialah perasaan cinta mendalam terhadap negara dan sanggup mempertahankan negara demi kemakmuran dan kestabilan sesebuah negara. Apakah peranan rakyat bagi merealisasikan semangat tersebut? (m/s 14)

- A Peka terhadap keselamatan negara
- B Mengukuhkan pasukan keselamatan
- C Menggalakkan kolaborasi dengan pihak luar
- D Menghormati lambang-lambang negara

19. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh pemerintah. (m/s 14)

- Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan
- Menganjurkan sambutan Hari Pahlawan

- A Meningkatkan imej negara  
B Meningkatkan kedaulatan negara  
C Meningkatkan semangat cintakan negara

D Membentuk keamanan dan kesejahteraan

20. Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab bersama untuk mempertahankan negara daripada musuh.  
Mengapakah kerjasama ini penting? (m/s 15)

- A Memajukan taraf hidup rakyat  
B Mengelakkan kedaulatan negara  
C Mengawal kemasukan imigran  
D Menaikkan imej negara

## BAHAGIAN B-SOALAN STRUKTUR

1. Berikut adalah senarai tokoh-tokoh yang memberikan tafsiran berkaitan kedaulatan.

- Ibnu Khaldun
- Aristotle
- Jean Bodin
- Tunku Abdul Rahman
- Tun Dr.Mohamed Salleh Abas

- a) Jelaskan maksud kedaulatan berdasarkan tafsiran Aristotle.

---

---

[2 markah]

### CADANGAN JAWAPAN

- Kuasa tertinggi
- Terikat dengan undang-undang

- b) Ibnu Khaldun mengaitkan kedaulatan negara berdasarkan dua semangat.

Nyatakan semangat tersebut.

---

---

[2 markah]

### CADANGAN JAWAPAN

- Semangat kekitaan
- Semangat beragama

- c) Jelaskan jenis Kedaulatan Undang-Undang.

---

---

[2 markah]

### CADANGAN JAWAPAN

- Terikat oleh undang-undang
- Menjamin keadilan
- Badan kehakiman bebas

- d) Kedaulatan Antarabangsa merupakan satu aspek penting dalam menjamin kedaulatan sesebuah negara. Pada pandangan anda mengapakah aspek tersebut penting?

---

---

---

---

[4 markah]

### CADANGAN JAWAPAN

- Pengiktirafan PBB
- Tidak boleh dicabuli/dijajah
- Negara bebas
- Prinsip persamaan kedaulatan

2. Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri-ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya dan Malaysia mempunyai ciri yang tersendiri.

a) Apakah yang dimaksudkan dengan mempunyai pemerintahan?

---

---

[2 markah]

CADANGAN JAWAPAN

- Demokrasi berparlimen
- Raja Berpelembagaan
- YDPA : Ketua Negara
- PM : Ketua Kerajaan

b) Jelaskan **dua** ciri negara yang berdaulat.

---

---

---

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN

- Mempunyai sempadan
- Garis pemisah negeri.
- Diakui PBB
- Mempunyai perundangan sendiri
- Asas peraturan negara
- Menjamin keadilan dan melindungi rakyat.

c) Pada pendapat anda, mengapakah hubungan yang baik dengan negara jiran penting bagi menjamin kedaulatan negara.

---

---

---

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN

- Menjamin kestabilan politik.
- Mengukuhkan kerjasama ekonomi.
- Menggalakan perkongsian kepakaran
- Meningkatkan imej negara

**BAHAGIAN C-SOALAN ESEI**

- 1 (a) Jelaskan maksud patriotisme. [4 markah]
- (b) Terangkan tindakan yang diambil oleh golongan berikut untuk mengukuhkan semangat patriotisme di negara kita.  
(i) Pemerintah [4 markah]  
(ii) Rakyat [4 markah]
- (c) Mengapakah semangat patriotisme perlu diterapkan dalam kalangan generasi muda hari ini?  
Berikan hujah anda. [8 markah]

**SKEMA JAWAPAN  
BAHAGIAN C-SOALAN ESEI**

1(a) F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara.

- F2 Sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya.
- F3 Nadi kepada kebebasan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara
- F4 Untuk melahirkan pemimpin dan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban demi negara

(Maksimum: 4 markah)

1(b) (i) Pemerintah

- F1 Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan terhadap negara.
- F2 Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara.
- F3 Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media
- F4 Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama mereka pada bangunan dan jalan.

(Maksimum: 4 markah)

(ii) Rakyat

- F1 Menghormati lambang negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu Negaraku.
- F2 Menyanjungi dan menghargai adat dan warisan negara.
- F3 Meningkatkan imej negara dengan melakar kejayaan dalam bidang pendidikan, sukan dan ekonomi.
- F4 Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara.

(Maksimum: 4 markah)

1(c) F1 Mempertahankan kedaulatan negara

- H1a Kesedaran pentingnya semangat nasionalisme
- C1a Melalui prinsip Rukun Negara
- F2 Mendaulatkan perlembagaan negara
- H2a Mematuhi peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia
- C2a Tidak mempertikaikan isu sensitif dalam perlembagaan negara dan negeri
- F3 Melengkapkan diri dengan ilmu
- H3a Ilmu pengetahuan tentang senario di dunia
- C3a Mengutamakan pembelajaran sepanjang hayat
- F4 Mementingkan perpaduan kaum
- H4a Perpecahan kaum membawa kepada kemasuhan negara dan bangsa
- C4a Mengutamakan gotong-royong, rumah terbuka dan kebudayaan kebangsaan


(Mana-mana jawapan yang munasabah)

(Maksimum : 8 markah)

## BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN A-SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah maksud Perlembagaan. (m/s 22)
  - A. Negara berdaulat
  - B. Undang-undang tertinggi
  - C. Negara merdeka
  - D. Negara berwibawa
2. Apakah bentuk pemerintahan negara kita sebelum kedatangan British? (m/s 22)
  - A. Beraja              C. Demokrasi Berparlimen
  - B. Republik            D. Oligarki
3. Apakah yang menjadi asas pembentukan Perlembagaan? (m/s 22)
  - A. Nilai tradisi Kesultanan Melayu
  - B. Prinsip undang-undang British
  - C. Undang-undang Aceh
  - D. Undang-undang Mahkota Alam
4. British telah memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat yang dikenali sebagai (m/s 24)



- A. North Borneo Chartered
  - B. Charter of Justice
  - C. Laws Ordinance
  - D. The Common Law
5. Pernyataan di bawah berkaitan dengan penubuhan Majlis di Sabah. (m/s 24)

X memberikan kuasa kepada Gabenor untuk membuat undang-

Apakah X ?

- A. Majlis Kerja
- B. Majlis Negeri
- C. Majlis Tertinggi
- D. Majlis Undangan

6. Pembentukan undang-undang di negeri Melayu dimulai oleh (m/s 25)
  - A. Negeri-negeri Selat
  - B. Majlis Negeri Sarawak
  - C. Majlis Negeri Johor
  - D. Majlis Negeri Perak
7. Perjanjian manakah yang menjadi titik penting kepada pembentukan sebuah Persekutuan di Tanah Melayu. (m/s 26)
  - A. Perjanjian Pangkor 1874
  - B. Perjanjian Malaysia 1963
  - C. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
  - D. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
8. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga dikenali sebagai \_\_\_\_\_ (m/s 27)
  - A. Suruhanjaya Reid
  - B. Suruhanjaya Cobbold
  - C. Suruhanjaya Kemerdekaan
  - D. Suruhanjaya Pilihan Raya
9. Antara perkara-perkara terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ialah (m/s 27)
  - A. kerajaan Persekutuan merupakan kerajaan pusat
  - B. Parlimen mengandungi tiga dewan
  - C. kewarganegaraan yang sama
  - D. Majlis Raja-raja Melayu
10. Model manakah yang disesuaikan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957? (m/s 27)
  - A. Model Manchester
  - B. Model Westminster
  - C. Model of Great Britain
  - D. Model of International Laws
11. Berdasarkan pemerintahan beraja di negeri Melayu, sultan merupakan \_\_\_\_\_ (m/s 28)
  - A. pemilik negeri
  - B. pemerintah berdaulat
  - C. pemerintah empayar
  - D. pembesar agung

12. Antara ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan adalah (m/s 28)
- Kesultanan atau Pemerintahan Beraja
  - Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera
  - Kewarganegaran
  - Kerajaan Persekutuan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
13. Apakah peranan yang di-Pertuan Agong sebagai mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia? (m/s 28)
- Ketua Kerajaan
  - Pemerintah tertinggi
  - Penentu dasar kerajaan
  - Ketuai delegasi ke luar negara
14. Perlembagaan Persekutuan mempunyai keunikan kerana (m/s 29)
- Mengandungi tugas utama pemimpin
  - Mengandungi ciri tradisional dan moden
  - Melaksanakan pilihan raya
  - Rakyat hidup aman dan harmoni
15. Bagaimanakah untuk menentukan pilihan raya yang bebas dan adil dilaksanakan di Malaysia? (m/s 29)
- Menetapkan hari penamaan calon
  - Parti berdaftar sahaja boleh bertanding
  - Menubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya
  - Melantik pemerhati bebas dari negara luar
16. Perlembagaan negara kita telah dipinda beberapa kali pada tahun 1963 dan 1965. Mengapa perlembagaan tersebut dipinda? (m/s 30)
- Mengelakkan tekanan pihak luar
  - Memenuhi permintaan rakyat
  - Mengikut perubahan ekonomi semasa
  - Menyesuaikan peruntukan negeri baharu
17. Antara tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963 adalah (m/s 30)
- struktur Mahkamah Atasan
  - agama Islam agama rasmi semua
  - kedudukan rakyat asing
  - hasil mahsul negeri
18. Struktur mahkamah dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah mengikut model Mahkamah Tertinggi England. Antara mahkamah tersebut ialah (m/s 30)
- Mahkamah Atasan
  - Mahkamah Sesyen
  - Mahkamah Majistret
  - Mahkamah Rayuan
- I dan II
  - II dan III
  - I dan IV
  - III dan I
19. Bagaimanakah kedudukan Yang di-Pertua Negeri Sabah dalam menjalankan peranan pentadbiran? (m/s 30)
- Menjadi ketua agama Islam
  - Memutuskan perbelanjaan negeri
  - Mengikut nasihat Kabinet Negeri
  - Boleh mengampun kesalahan jenayah
20. Gambar berikut menunjukkan sidang akhbar yang diadakan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 9 Ogos 1965.
- 
- Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, halaman 31

Apakah peristiwa penting yang dikaitkan dengan sidang akhbar tersebut? (m/s 31)

- Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya
- Kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia
- Pengisytiharan pengunduran British daripada negara kita

## BAHAGIAN B - STRUKTUR

1. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

a) Nyatakan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

---

---

[1 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 1(a)**

- Nilai tradisi Kesultanan Melayu
- Prinsip undang-undang Inggeris yang disesuaikan dengan nilai tempatan

b) Sebelum kedatangan kuasa Barat, negara kita sudah mempunyai undang-undang dan adat Melayu.

Nyatakan satu contoh undang-undang di negeri-negeri Melayu.

---

---

[1 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 1(b)**

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

c) Jelaskan tentang Undang-undang Inggeris yang digunakan dalam pembentukan Perlembagaan?

---

---

---

[ 4 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 1(c)**

- British memperkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat (NNS)
- dikenali sebagai Charter of Justice
- Daripada undang-undang yang digubal di England
- Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai.
- Contohnya, Charter of Justice 1807
- The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949
- menggunakan The Common Law of England  
*(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)*

d) Jelaskan kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

---

---

---

[ 4 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 1(d)**

- Menjaga keamanan negara
- Mengekalkan kemerdekaan negara
- Menegakkan keadilan
- Mewujudkan perpaduan
- Mengukuhkan kedudukan raja
- Membendung tindakan liar
- Menjamin kemakmuran negara  
*(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)*

2. Perlembagaan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.

a) Mengapakah perlembagaan Malaysia dianggap sebagai unik?

---

---

**CADANGAN JAWAPAN 2(a)**

- Berasaskan ciri tradisional dan moden
- Saling melengkapi

[2 markah]

b) Apakah beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan.

---

---

---

[4 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 2(b)**

- Pindaan Perlembagaan 1963
- Struktur Mahkamah Atasan
- Pembentukan Mahlamah Tinggi Borneo
- Jawatan Yang di-Pertuan Negeri
- Pindaan Perlembagaan 1965
- Usul pindaan perlembagaan dinamakan pindaan Singapura
- Membolehkan Singapura keluar dari Malaysia

c) Pada pandangan anda, mengapakah perlembagaan memerlukan pindaan dari semasa ke semasa?

---

---

---

[4 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 2(c)**

- Melindungi kepentingan rakyat
- Menjaga keselamatan negara
- Melicinkan urusan pentadbiran
- supaya sesuai dengan keperluan semasa
- Menjadikan perlembagaan sebagai undang-undang yang munasabah
- Memastikan kandungan perlembagaan dipatuhi oleh rakyat dengan rela hati  
*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

## **BAHAGIAN C- SOALAN ESEI**

1. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Perlembagaan mempunyai dua ciri utama, iaitu tradisional dan moden yang diperlukan bagi kestabilan serta kemajuan negara.

- (a) Kesultanan atau Pemerintahan Beraja merupakan salah satu ciri tradisional. Jelaskan bidang kuasa yang di-Pertuan Agong?

[6 markah]

CADANGAN JAWAPAN

F-kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman

H orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

F-Baginda juga mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.

F-Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri.

F- kuasa eksekutif

H- dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri.

F- mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman

H-kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah

F-pelantikan jawatan utama negeri.

- (b) Terangkan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

[6 markah]

CADANGAN JAWAPAN

F pembentukan kerajaan persekutuan

H kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa tertentu

F memperkenalkan kewarganegaraan Pesekutuan

H kewarganegaraan yang sama kepada semua rakyatnya

F mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi berparlimen

H asasnya dengan mengadakan pilihan raya 1955

H untuk membentuk kerajaan H Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan untuk jamin keadilan/ketelusuran pilihan raya

(c) Apakah kepentingan perlembagaan kepada negara kita?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**CADANGAN JAWAPAN**

- F1 - Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi
  - F2 - Panduan dalam pentadbiran negara
  - F3 - Menjamin hak asasi rakyat
  - F4 - Menjaga keharmonian kaum
  - F5 - Melicinkan pentadbiran negara
  - F6 - Membentuk identiti negara
  - F7 - Melindungi hak istimewa orang Melayu
  - F8 - Memelihara kedaulatan institusi beraja
  - F9 - Menjamin kedaulatan negara
  - F10- Menjamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan bersama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri
  - F11-Menjamin kestabilan sesebuah negara
  - F12- Menjadi rujukan utama dalam pengubalan undang-undang persekutuan dan negeri
- Mana-mana jawapan munasabah

[8 markah]

## BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN

### DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

#### BAHAGIAN A-SOALAN OBJEKTIF

##### Raja-raja Melayu

1. Selepas pentadbiran tempatan dikuasai oleh British dan Jepun, bagaimakah kedudukan sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu? (m/s 38)

- A. Sistem pemerintahan beraja kekal
- B. Sistem pemerintahan beraja terhapus
- C. Sistem pemerintahan beraja digulingkan
- D. Sistem pemerintahan beraja di bawah Ratu England

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan satu undang-undang iaitu (m/s 38)

- A. Hukum Kanun Manu
- B. Hukum Kanun Melaka
- C. Undang-undang Laut Melaka-Johor
- D. Undang-undang Maritim Melaka

3. Legasi Kesultanan Melayu Melaka diteruskan secara langsung oleh kesultanan berikut (m/s 38)

- A. Perlis
- B. Pahang
- C. Selangor
- D. Kelantan

4. Manakah antara kesultanan berikut merupakan kesinambungan daripada Kesultanan Johor Riau? (m/s 38)

- A. Perak
- B. Kelantan
- C. Johor
- D. Terengganu

5. Semasa peluasan pengaruh British, British telah memperkenalkan Sistem Penasihat mereka. Di manakah sistem ini diguna pakai? (m/s 39)

- A. Negeri-negeri Selat
- B. Negeri-negeri Borneo Utara
- C. Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

6. Bagaimakah kedudukan Raja-Raja Melayu semasa pengenalan Sistem Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu?  
Pilih **SATU** jawapan tepat. (m/s 39)

- A. Kedudukan raja digantikan oleh Gabenor
- B. Raja diberikan penceن bulanan
- C. Raja kekal sebagai pemerintah berdaulat
- D. Raja mesti menerima nasihat daripada Penasihat British.

7. Bagaimakah bentuk pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu sewaktu Sistem Penasihat diperkenalkan?  
Pilih **SATU** jawapan tepat. (m/s 39)

- A. Kedudukan raja yang memerintah lebih kukuh
- B. Pentadbiran negeri dilaksanakan oleh Residen yang dilantik oleh British.
- C. Pentadbiran negeri dilaksanakan oleh Residen
- D. Raja tidak mempunyai kuasa pentadbiran dan perundangan

8. Soalan 8 berdasarkan foto di bawah.



Bagaimanakah kedudukan Raja-Raja Melayu semasa pendudukan Jepun?

Pilih **SATU** jawapan yang tepat. (m/s 40)

- A. Kedudukan Raja-raya Melayu diganti oleh Gabenor Jepun
- B. Raja-raya Melayu diberi pampasan pencen tahunan
- C. Raja-raya Melayu tidak diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam
- D. Kedudukan Raja-raya Melayu di bawah pengawasan Gabenor Jepun.

9. Bagaimanakah kedudukan Raja-Raya Melayu ketika British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu? Pilih **SATU** jawapan tepat. (m/s 40)

- A. Raja-raya Melayu kekal berkuasa sebagai pemerintah negeri
- B. Kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England
- C. Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan
- D. Raja-raya Melayu berkuasa mutlak

10. Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap kedaulatan Raja-raya Melayu? (m/s 40)

- A. Kedaulatan Raja-raya Melayu dikembalikan
- B. Raja-raya Melayu tidak berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan hal ehwal agama Islam
- C. Raja-raya Melayu tidak kekal di takhta tetapi berkuasa dalam pentadbiran dan perundungan
- D. Kedudukan Raja-raya Melayu diangkat sebagai Raja Berperlembagaan

11. Bagaimanakah kedudukan pemerintahan beraja dalam Perlembagaan Persekutuan? Pilih **SATU** jawapan yang tepat. (m/s 41)

- A. Raja-raya Melayu berkuasa menggubal undang-undang
- B. Pemerintahan raja berkuasa mutlak diteruskan
- C. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Kerajaan.
- D. Kedudukan, kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

12. Manakah antara berikut berkaitan Durbar adalah benar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu? (m/s 42)

- A. Membincangkan undang-undang selain agama Islam
- B. Majlis Persidangan bagi Raja-Raya Melayu
- C. Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British
- D. Menentang perlaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu

13. Durbar diwakili oleh sultan-sultan. Siapakah yang mempengerusikan Durbar? (m/s 42)

- A. Raja-raya Melayu
- B. Residen British
- C. Gabenor Malayan Union
- D. Pesuruhjaya Tinggi British

14. Gambar di bawah berkaitan Majlis Sultan-Sultan.



Siapakah yang mempengerusikan Majlis Sultan-Sultan? (m/s 43)

- A. Raja-raya Melayu
- B. Ketua Setiausaha Malayan Union
- C. Gabenor Malayan Union
- D. Pesuruhjaya Tinggi British

15. Siapakah yang diberi bidang kuasa untuk menguruskan Majlis Raja-Raja? (m/s 43)
- A. Raja-raja Melayu
  - B. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
  - C. Penasihat undang-undang
  - D. Pesuruhjaya Tinggi British
16. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara termaktub dalam \_\_\_\_\_ Perlembagaan Persekutuan.  
(m/s 47)
- A. Perkara 4
  - B. Perkara 11
  - C. Perkara 32
  - D. Perkara 132
17. Menurut Perlembagaan Persekutuan, siapakah yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat pengisytiharan darurat? (m/s 49)
- A. Perdana Menteri
  - B. Ketua Hakim Negara
  - C. Yang di-Pertuan Agong
  - D. Panglima Angkatan Tentera
18. Mengapakah kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak? (m/s 51)
- A. Menjamin pengekalan parti yang memerintah
  - B. Memberi amaran dan peringatan kepada rakyat
  - C. Memastikan pembangunan ekonomi negara berterusan
  - D. Memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin.
19. Dalam prinsip pengasingan kuasa di Malaysia, siapakah punca kuasa kepada badan perundangan, eksekutif dan kehakiman? (m/s 52)
- A. Perdana Menteri
  - B. Jemaah Menteri
  - C. Yang di-Pertuan Agong
  - D. Majlis Raja-Raja Melayu
20. Parlimen terdiri daripada tiga komponen. Selain Yang di-Pertuan Agong, Nyatakan salah satu komponen dalam Parlimen? (m/s 53)
- A. Dewan Rakyat
  - B. Dewan Negeri
  - C. Dewan Persekutuan
  - D. Dewan Undangan Negeri

## BAHAGIAN B-SOALAN STRUKTUR

1. Pemerintahan Kerajaan Melaka mencapai kegemilangan antara abad ke-14 sehingga abad ke-16. Pemerintahan Beraja merupakan tradisi yang menjadi teras pemerintahan dan legasi kesultanan diteruskan oleh kerajaan Melayu yang lain.

a) Terangkan secara ringkas Sistem Pemerintahan Beraja yang dijalankan oleh Kerajaan Melayu Melaka.

---

---

---

[3 markah]

b) Senaraikan **tiga** prinsip perundangan yang digunakan bagi memperkuatkan pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

---

---

---

[3 markah]

c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah amalan pemerintahan Demokrasi Berparlimen sesuai dilaksanakan di Malaysia?

---

---

---

[4 markah]

2. Maklumat berikut mengenai Yang di-Pertuan Agong.



a) Senaraikan **dua** nama Yang di-Pertuan Agong yang memerintah Malaysia.

- i) \_\_\_\_\_  
ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

b) Yang di-Pertuan Agong perlu mempunyai hak eksekutif dalam melantik beberapa jawatan penting negara. Ulaskan.

---

---

---

[4 markah]

c) Bagaimanakah anda menunjukkan semangat setia kepada Yang di-Pertuan Agong?

---

---

---

[4 markah]

**BAHAGIAN C-SOALAN ESEI**

1. Durbar atau Majlis Raja-Raja telah ditubuhkan bagi membolehkan Raja-raja memutuskan sesuatu perkara.

a) Nyatakan maksud Durbar dan kepentingan Mohor Besar Raja-raja. [6 markah]

b) Majlis Raja-Raja memainkan peranan tersendiri dalam pentadbiran negara Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Senaraikan fungsi Majlis Raja-raja. [6 markah]

c) Pada pandangan anda, adakah Durbar masih berperanan pada abad ini? [8 markah]

**SKEMA JAWAPAN**  
**BAHAGIAN B-SOALAN STRUKTUR**

- 1(a) F1 Dari aspek politik, pada baginda terletak semua kuasa pemerintahan termasuk kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman.  
H2 Pemerintahan Sistem Beraja berdasarkan undang- undang  
H3 Pemerintahan kesultanan ini diperkuuhkan dengan konsep Islam  
H4 Dari aspek sosial, raja mempunyai pengaruh yang besar bagi membina tradisi.  
H5 Raja juga berpengaruh dari aspek adat istiadat yang diwarisi oleh kesultanan Melayu yang muncul kemudiannya.  
F2 Raja- raja Melayu dianggap penting dari aspek politik dan sosial.  
H1 Baginda sebagai sumber undang- undang, ketua kerajaan dan ketua agama.
- 1(b) F1 Hukum Kanun Melaka  
F2 Undang- undang Laut Melaka  
F3 Konsep Islam yang diguna pakai
- 1(c) F1 Legasi Kesultanan Melayu Melaka diteruskan secara langsung oleh Kesultanan Johor Riau, Pahang dan Perak.  
F2 Kesultanan Terengganu dan Selangor merupakan kesinambungan daripada Kesultanan Johor Riau.  
F3 Kesultanan Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis diasaskan setelah berakhirnya Kesultanan Melayu Melaka.  
F4 Kesultanan Kedah merupakan kerajaan terawal yang diasaskan di negara kita.  
H1 Kesultanan ini mengakui pertuanan Kesultanan Melayu Melaka.
- 2(a) F1 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah  
F2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V
- 2(b) F1 Yang di-Pertuan Agong diberikan keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan  
H1 Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dikenakan apa- apa jua pun prosiding di dalam mana- mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV(15).  
F2 Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun  
H1 Baginda tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya.  
C Contohnya Sultan Muhammad V yang meletakkan jawatannya sebelum tamat tempoh sebagai Yang di-Pertuan Agong.  
H2 Majlis Raja-Raja boleh memecat baginda Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya.  
H3 Yang di-Pertuan Agong hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi raja atau sultan bagi negerinya.
- 2(c) F1 Sikap hormat kepada Yang di-Pertuan Agong perlu ada pada setiap individu.  
H1 tidak merendah atau memburukkan Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan rakyat sendiri atau kepada orang luar.  
Saya akan berdiri sebagai tanda hormat semasa menyambut ketibaan kepada pemimpin / pemerintah  
F2 Penerapan konsep kesetiaan kepada raja dan negara dalam pendidikan dan pada setiap individu.  
H1 Individu perlu mengenang jasa para pemimpin dan raja-raja dahulu yang telah mengorbankan nyawa demi membantu menjadikan Malaysia terus maju dan negara berdaulat.

## **BAHAGIAN C-SOALAN ESEI**

- 1(a) F1 Maksud Durbar pada asalnya perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja-raja Melayu dengan British.  
F2 Masa kini durbar merujuk kepada perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja-raja Negeri-negeri.

Fungsi Mohor Besar Raja-Raja

- F1 Melambangkan kekuasaan dan kedaulatan Raja-raja Melayu.  
F2 Mohor ini disimpan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja  
H1 Beliau yang merupakan Setiausaha Majlis Raja-Raja.  
F3 Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-Raja diturunkan dengan Cop Mohor Besar Raja-raja.

- (b) F1 Majlis Raja-Raja (MRR) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

H1 MRR bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

F2 MRR memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.

H1 MRR menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.

F3 MRR menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.

H1 MRR memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.

F4 Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union.

H1 Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Majlis Raja-Raja menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya.

F5 Majlis Raja-Raja diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu.

H1 Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan sembilan orang Raja Melayu.

F6 Persidangan Majlis Raja-raja perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan.

H1 Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan.

- (c) Saya bersetuju bahawa wujud kewajaran dalam mempertahankan Majlis Raja-raja pada abad ini

F1 Majlis Raja-Raja menjadi pelengkap serta semak dan imbang kepada sistem pemerintahan demokrasi.

H1 Hal ini yang menjadi asas kestabilan politik negara.

F2 Kestabilan politik ini pula menyumbang keharmonian dan kesepadan sosial, kemakmuran ekonomi dan kesohoran global (terkenal di seluruh dunia).

H1 Negara aman dan tiada campur tangan pihak luar.

F3 Dalam keadaan darurat politik seperti yang berlaku hari ini, Yang di-Pertuan Agong berhak mengisyiharkan proklamasi darurat.

H1 Kedaaan politik mesti dikawal bagi mewujudkan ketenteraman politik.

H2 Situasi ini sekaligus merangsang kedaan ekonomi yang stabil.

H3 Keharmonian masyarakat penting dalam membentuk perpaduan dan keamanan tanpa persengketaan kaum.

## BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN A-SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Persekutuan? (m/s 66)
  - A Penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk Persekutuan
  - B Gabungan antara negeri yang berdaulat dan membentuk Persekutuan
  - C Gabungan empat buah negeri Melayu berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895
  - D Penerusan tradisi sejarah
2. Persekutuan berkuatkuasa pada tahun 1896 dikenali sebagai (m/s 66)
  - A Negeri-Negeri Selat
  - B Negeri-negeri Melayu Bersekutu
  - C Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
  - D Persekutuan Borneo
3. Siapakah Residen Negeri Sembilan yang pertama? (m/s 66)
  - A Hugh Low
  - B JWW Birch
  - C Martin Lister
  - D J.P Rodger
4. Antara berikut, sultan manakah yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895? (m/s 66)
  - I Sultan Idris Murshidul Adzam Shah
  - II Sultan Samad ibni Raja Abdullah
  - III Sultan Mansur Shah
  - IV Sultan Abu Bakar
  - A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
5. Pada tahun 1946, British telah menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan yang dinamakan (m/s 67)
  - A Kerajaan Pusat
  - B Malayan Union
  - C Negeri-negeri Selat
  - D Kesatuan Melayu Raya
6. Mengapakah pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan? (m/s 68)
  - A Menyatukan kaum
  - B Melicinkan pentadbiran
  - C Memastikan kedaulatan terpelihara
  - D Membentuk kesatuan
7. Antara berikut, yang manakah **tidak** terkandung dalam Senarai Persekutuan? (m/s 69)
  - A Hal ehwal luar negeri
  - B Pertahanan
  - C Pelajaran
  - D Tanah
8. Mengapakah peruntukan tambahan diberikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah? (m/s 70)
  - A Mengawal kerakyatan
  - B Menentukan Hari Kelepasan Negeri
  - C Mentadbir mengikut perlembagaan
  - D Menyesuaikan kemasukan negeri dalam Persekutuan Malaysia
9. Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai (m/s 71)
  - A Pihak Berkuasa Daerah
  - B Pihak Berkuasa Negeri
  - C Pihak Berkuasa Tempatan
  - D Pihak Berkuasa Awam



17. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri adalah dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Apakah tujuan mesyuarat tersebut diadakan? (m/s 80)
- A. Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan  
B. Menyelaras pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
C. Mengadakan perundingan dengan Kerajaan Persekutuan  
D. Membentuk dasar kerajaan
18. Tanggungjawab utama Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah adalah untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Bilakah jawatan tersebut diwujudkan? (m/s 81)
- A. 1990                    C. 1982  
B. 1989                    D. 1963
19. Berikut merupakan antara kebaikan yang diperoleh daripada penyelarasan dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri kecuali (m/s 81)
- A. Menentukan bidang kuasa dalam persekutuan  
B. Menjamin Sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan  
C. Menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri  
D. Memberi manfaat kepada kesejahteraan negara
20. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Antaranya ialah (m/s 81)
- A. Majlis Keselamatan Negara  
B. Majlis Air Negara  
C. Majlis Kewangan Negara  
D. Majlis Perumahan Negara

## BAHAGIAN B - SOALAN STRUKTUR

1. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.

(a) Nyatakan perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri.

---

---

[2markah]

### CADANGAN JAWAPAN 1(a)

- Undang-undang Islam
- Tanah
- Pertanian dan Perhutanan
- Kerajaan tempatan
- Hari Kelepasan negeri

(b) Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jelaskan fungsi Kerajaan Tempatan.

---

---

---

[4 markah]

### CADANGAN JAWAPAN 1(b)

- Membangunkan perumahan awam
- Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan
- Menyediakan kemudahan awam
- Menyediakan perkhidmatan kecemasan
- Menyenggara jalan raya
- Menyenggara sistem saliran
- Mengindahkan Kawasan
- Menjaga kesihatan awam

(c) Bagaimanakah Sistem Persekutuan dapat membentuk pentadbiran yang kukuh di negara kita?

---

---

---

[4 markah]

### CADANGAN JAWAPAN 1(c)

- Pembahagian kuasa
- Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri
- Tiada perebutan kuasa
- Menyeragamkan cukai
- Menyelaraskan undang-undang
- Senarai Persekutuan seperti kewangan, pelajaran, pertahanan
- Senarai Negeri seperti undang-undang Islam, tanah, kerajaan tempatan
- Mewujudkan kestabilan politik
- Menjamin perbelanjaan negara (*mana-mana jawapan yang munasabah diterima*)

2. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.

- (a) Namakan **dua** agensi pembangunan wilayah yang telah diperkenalkan untuk membangunkan wilayah baharu.

---

---

---

[2markah]

**CADANGAN JAWAPAN 2(a)**

- KEDA
- PERDA
- KEJORA
- KESEDAR
- KETENGAH
- DARA
- LKTS
- SALCRA
- SLDB

- (b) Mengapakah negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah?

---

---

---

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan oleh pemimpin untuk membangunkan ekonomi negara ?

---

---

---

[4 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 2(b)**

- Aktiviti industri dan komersil tertumpu di kawasan pantai barat
- Sudah menjadi tumpuan migrasi rakyat di kawasan tersebut
- Bandar telah berkembang pesat
- Untuk menjana pembangunan di kawasan yang kurang maju
- Mewujudkan keseimbangan pembangunan
- Merapatkan jurang perbezaan digital antara bandar dengan desa

**CADANGAN JAWAPAN 2(c)**

- Menggalakkan rakyat meneroka bidang baru
- Mengadakan perkongsian ilmu dan teknologi dengan negara serantau
- Menggalakkan pelaburan asing/Kerjasama pihak swasta
- Memberi pelbagai insentif/bantuan
- Menggalakkan penyelidikan dalam pelbagai bidang
- Meningkatkan hubungan antarabangsa

**BAHAGIAN C - SOALAN ESEI**

1. Negara kita berkait rapat dengan konsep keluhuran Perlembagaan Persekutuan serta penyelarasan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(a) Jelaskan Keluhuran Perlembagaan dapat mengukuhkan Persekutuan.

---

---

---

[4 markah]

(b) Huraikan majlis yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

---

---

---

[4 markah]

(c) Bagaimana Sistem Persekutuan di negara kita menjamin hubungan antara negeri?

---

---

---

[4 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda. Bahaskan kepentingan pengasingan kuasa dalam sistem demokrasi.

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN 1(a)**

- Diangkat sebagai undang-undang tertinggi
- Undang-undang digubal Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dgn peruntukan Perlembagaan Persekutuan
- Perlembagaan jadi rujukan utama apabila berlaku ketidak selaras antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri
